A

MANOJ DEVAN PILLAI RAJA SEGARAN
lwn. YOSHITA SUBRAMANIAM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
MAHAZAN MAT TAIB PK
[SAMAN PEMULA NO: KA-24F-11-05-2021]
B 16 NOVEMBER 2021

Abstrak – *Walaupun s. 88(3) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 memperuntukkan anggapan statutori bahawa anak yang berumur bawah tujuh tahun hendaklah berada dengan ibunya, seorang bapa layak diberi hak penjagaan dan kawalan bagi anak tersebut dalam keadaan-keadaan tertentu, termasuk jika keadaan emosi yang tidak stabil si ibu boleh membawa risiko dan menjejaskan kesejahteraan si anak.*

C

D

UNDANG-UNDANG KELUARGA: *Anak – Penjagaan – Hak penjagaan – Kebajikan anak – Sama ada isteri mempunyai masalah kesihatan mental – Keselamatan anak-anak – Isteri membawa bersama bayi berusia 19 bulan dan menghilangkan diri – Sama ada boleh menjejaskan kesejahteraan bayi – Anak berumur bawah tujuh tahun – Sama ada suami layak diberi hak penjagaan dan kawalan – Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976, s. 88(3)*

E

Plaintif, iaitu si suami, memfailkan saman pemula ('lampiran 1') terhadap defendan, iaitu si isteri untuk mendapatkan hak jagaan terhadap tiga orang anak mereka. Permohonan ini dibuat atas alasan (i) defendan dikatakan mempunyai masalah kesihatan mental iaitu penyakit schizophrenia dan berkelakuan tidak normal yang antaranya, suka berkhayal, berhalusinasi, mundar-mandir dan bergoyang-goyang di luar kebiasaan serta mempunyai pemikiran dan percakapan yang tidak teratur, berkelakuan ganas, mudah keliru dan mendengar suara-suara; (ii) plaintif merasa bimbang tentang keselamatan anak-anak mereka terutamanya bayi lelaki yang berusi 19 bulan yang telah dibawa oleh defendan bersamanya semasa menghilangkan diri dari rumah mereka. Ketika itu, defendan tidak dapat dihubungi namun berjaya dikesan di sebuah rumah; dan (iii) defendan mengelak dan melarikan diri daripada cuba dihubungi oleh plaintif termasuklah mengelak daripada diserahkan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permohonan dalam tindakan ini. Atas permohonan plaintif, satu perintah jagaan interim telah dibenarkan oleh mahkamah terhadap bayi lelaki tersebut tetapi perintah tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana defendan enggan menyerahkan bayi tersebut dan mengelak daripada dikesan oleh plaintif. Isu-isu yang perlu ditentukan oleh mahkamah adalah seperti berikut: (i) sama ada terdapat keterangan tentang keadaan defendan yang dikatakan menghidap

F G H I

schizophrenia; (ii) sama ada wajar atau tidak jagaan, pemeliharaan dan kawalan ketiga-tiga anak dalam perkahwinan tersebut, yang berumur 19 bulan, tujuh tahun lebih dan 11 tahun diberi kepada plaintif; (iii) sama ada plaintif telah menjawab anggapan statutori bawah s. 88(3) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 ('LRA') tentang penjagaan anak bongsu mereka; (iv) sama ada isu keganasan yang didakwa oleh defendan yang dikatakan dipukul oleh plaintif adalah relevan dan benar; (v) sama ada terdapat apa-apa alasan untuk defendan mendapatkan perintah perlindungan interim (IPO) bagi dirinya dan bayi lelaki itu dan perintah perlindungan kecemasan (EPO) bagi dirinya dan sama ada perintah-perintah ini relevan dengan tindakan saman pemula ini. Defendan membangkitkan bantahan awal bahawa oleh sebab plaintif yang mengatakan defendan menghidap penyakit mental dan dianggap tidak berkeupayaan untuk membawa tindakan dan membela bagi pihak dirinya sendiri, maka plaintif sepatutnya memulakan tindakan terhadap defendan melalui guardian *ad litem*.

Diputuskan (membenarkan lampiran 1):

(1) Bantahan awal defendan ditolak. Ini kerana pengesahan tentang kedudukan kesihatan mental defendan tidak memadai dengan hanya menyertakan satu surat doktor. Pernyataan doktor dalam surat tersebut iaitu 'last visit on the 18 July 2018' jelas menunjukkan bahawa tiada apa-apa susulan yang dibuat selama hampir tiga tahun dari tarikh 2018 sehingga surat tersebut diperoleh pada 21 Mac 2021 yang boleh membuktikan masalah kesihatan mental defendan. Persoalan yang timbul adalah bagaimana seseorang boleh disahkan sebagai pengidap schizophrenia dan pada masa yang sama tiada rekod preskripsi ubat yang diberikan oleh pakar sejak tahun 2018. Oleh itu, saman pemula ini layak diteruskan dengan defendan bertindak atas kapasiti dirinya. (perenggan 47-50 & 53)

(2) Melihat pada keseluruhan fakta dan hal keadaan kes dan berdasarkan hujahan pihak-pihak, permohonan plaintif untuk jagaan, pemeliharaan dan kawalan terhadap ketiga-tiga anak tersebut dibenarkan sebagaimana dipohon. Faktor utama yang dipertimbangkan dalam memutuskan untuk membenarkan permohonan plaintif bukanlah berdasarkan pengesahan bahawa defendan mengalami schizophrenia. Mahkamah lebih menjurus pada penilaian terhadap siri peristiwa yang menggambarkan sikap luar kebiasaan defendan. Berdasarkan semua laporan polis, gambar-gambar, dokumen perubatan, perbualan WhatsApp antara plaintif dan defendan, jelas bahawa kedua-dua suami isteri ini mempunyai masalah dalam perkahwinan mereka yang tidak dapat disangkal. (perenggan 54-55, 62, 65 & 66)

(3) Rujukan hendaklah dibuat pada peruntukan dalam s. 88(3) LRA iaitu menjadi satu anggapan statutori bahawa anak yang berumur bawah tujuh tahun hendaklah berada dengan ibunya. Tindakan defendan memilih untuk keluar dengan membawa bayi lelaki itu dari rumah perkahwinan dalam keadaan emosi yang tidak stabil boleh membawa risiko yang boleh menjejaskan kesejahteraan bayi itu. Walaupun plaintif seorang bapa, dia layak diberikan tanggungjawab menjaga bayi lelaki yang berumur bawah tujuh tahun dan anak-anak mereka yang lain walaupun anak-anak itu adalah anak perempuan. (perenggan 57, 76 & 85)

Kes-kes yang dirujuk:

B Ravandran Balan v. Maliga Mani Pillai [1995] 1 LNS 21 HC ***(refd)***
Helen Ho Quee Neo v. Lim Pui Heng [1974] 1 LNS 48 ***(refd)***
J v. C [1970] AC 668 ***(refd)***
Khoo Cheng Nee v. Lubin Chiew Pau Sing [1996] 1 LNS 579 HC ***(refd)***
Kok Yoong Heong v. Choong Thean Sang [1975] 1 LNS 75 HC ***(refd)***
Lee Soh Choo v. Tan Ket Huat [1986] 2 CLJ 143; [1986] CLJ (Rep) 440 HC ***(refd)***
Mahabir Prasad v. Mahabir Prasad [1982] 1 MLJ 189 FC ***(refd)***
Yong May Inn v. Sia Kuan Seng [1970] 1 LNS 176 HC ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:

Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976, s. 88(2), (3)
Mental Health Act 2001, ss. 2(2), (3), 9(5), 10, 14(1), (3), 51, 73
Rules of Court 2012, O. 18 r. 19(1)(a), O. 52 r. 2B, O. 76 rr. 1, 2

Bagi pihak plaintif - Malkit Singh Dalip Singh; T/n Malkit Singh Randhawa Baidura & Co
Bagi pihak defendan - Kumaresan Thurairaju; T/n Thurairaj T Kumar & Assocs

Dilaporkan oleh Lina E

PENGHAKIMAN

Mahazan Mat Taib PK:

Pendahuluan

[1] Pada 2 Ogos 2021 mahkamah telah mendengar tiga permohonan secara serentak iaitu saman pemula oleh plaintif di lampiran 1, notis permohonan oleh defendan di bawah A. 18 k. 19(1)(a) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 ("KKM 2012") di lampiran 22 dan notis permohonan penangguhan pelaksanaan perintah interim oleh defendan di lampiran 23.

[2] Pada 19 Ogos 2021, keputusan telah diberikan oleh mahkamah bagi ketiga-tiga permohonan tersebut dan disampaikan melalui e-mel sebagaimana lampiran 92 seperti yang berikut:

Mahkamah:

Mahkamah telah meneliti keseluruhan kertas kausa yang dibawa di hadapan Mahkamah ini berkaitan dengan Lampiran-Lampiran yang berikut:

(1) Lampiran 1 - Saman Pemula - Permohonan plaintif untuk jagaan, pemeliharaan dan kawalan penuh anak-anak yang difailkan pada 5 Mei 2021;

(2) Lampiran 22 - Pembatalan Saman Pemula di bawah A. 18 Kaedah 19(1)(a) yang difailkan pada 21 Mei 2021;

(3) Lampiran 23 - Notis Permohonan Penangguhan Pelaksanaan Perintah Interim yang difailkan pada 21 Mei 2021.

Keputusan Mahkamah adalah sebagaimana berikut:

1. **Lampiran 22:**

Dalam membuat pertimbangan bagi permohonan di bawah A. 18 ini, Mahkamah menegaskan bahawa menjadi suatu undang-undang yang mantap bahawa A. 18 Kaedah 19(1) ini hanya boleh diguna pakai "in plain and obvious cases" untuk membolehkan suatu pihak itu memohon bagi suatu penghakiman ringkas. Mahkamah telah meneliti keseluruhan Afidavit dan Penghujahan Bertulis dan telah mendengar penghujahan lisan kedua-dua pihak bagi permohonan di bawah Lampiran 22. Mahkamah memutuskan bahawa tindakan ini adalah suatu tindakan yang boleh bicara dan dengan ini menolak permohonan defendan dalam Lampiran 22 dengan kos kepada Plaintif-Plaintif sebanyak RM1,000/=.

2. **Lampiran 1:**

Bagi permohonan di bawah tindakan Saman Pemula di Lampiran 1, Mahkamah telah meneliti keseluruhan Afidavit dan Penghujahan Bertulis dan telah mendengar penghujahan lisan kedua-dua pihak. Mahkamah percaya berdasarkan fakta kes dan dokumen yang menjadi sokongan kepada permohonan tersebut serta penghujahan kedua-dua pihak, perkara yang menjadi keutamaan dalam membuat pertimbangan tentang hak jagaan anak yang menjadi pertikaian adalah kebajikan anak-anak tersebut Mahkamah sebelum ini, pada 12 Mei 2021 telah membenarkan suatu permohonan bagi Perintah Interim untuk jagaan anak ketiga dalam permohonan ini berdasarkan fakta yang sama yang dibentangkan kepada Mahkamah. Mahkamah mendapati bahawa tiada sebab untuk Mahkamah membuat keputusan yang berbeza dalam tindakan utama ini tersebut kerana pertimbangan yang sama juga diberikan atas keseluruhan kes, selain fakta-fakta tambahan yang lebih berpihak kepada pihak plaintif telah dihujahkan sewajarnya. Mahkamah percaya anak-anak yang menjadi pertikaian antara

plaintif dan defendan ini wajar diberikan suatu suasana yang selamat dan terlindung. Dengan mengambil kira hal keadaan kes dan fakta yang dihujahkan, penentuan terbaik untuk jagaan, pemeliharaan dan kawalan anak-anak tersebut adalah dengan memberikan hak tersebut kepada plaintif sebagaimana yang dipohon. Oleh yang demikian, Mahkamah dengan ini membenarkan permohonan plaintif di Lampiran 1 dengan kos sebanyak RM2,000=.

3. **Lampiran 23:**

Mahkamah percaya bagi permohonan ini, atas pertimbangan yang sama diberikan dalam Lampiran 1, penangguhan perintah interim ini tidak lagi relevan dan menjadi akademik. Tiada perintah untuk kos.

[3] Pihak responden tidak berpuas hati dengan keputusan yang diberikan dan memfailkan rayuan pada 24 Ogos 2021 terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

[4] Di sini disediakan alasan penghakiman penuh keputusan bagi ketiga-tiga lampiran tersebut.

Kertas Kausa Yang Berkaitan

[5] Bagi memudahkan rujukan, kertas kausa yang berkaitan dengan permohonan-permohonan disusun mengikut tiga lampiran, masing-masingnya seperti yang berikut:

(a) LAMPIRAN 1 - SAMAN PEMULA

(i) Lampiran 1 - Saman Pemula

(ii) Lampiran 2 - Perakuan Segera

(iii) Lampiran 3 - Afidavit Sokongan

(iv) Lampiran 9 - Written Submission of Plaintif

(v) Lampiran 16 - Afidavit Jawapan Defendan

(vi) Lampiran 21 - Afidavit Pembetulan Defendan

(vii) Lampiran 27 - Afidavit Jawapan Plaintif

(viii) Lampiran 29 - Afidavit Tambahan Plaintif

(ix) Lampiran 32 - Penghujahan Plaintif

(x) Lampiran 35 - Afidavit Tambahan Defendan

(xi) Lampiran 38 - Afidavit Tambahan Defendan (sama dgn 35)

(xii) Lampiran 44 - Afidavit Jawapan (2) Plaintif

(xiii) Lampiran 46 - Afidavit Tambahan (2) Defendan

(xiv) Lampiran 48 - Surat Plaintif kepada Defendan

(xv) Lampiran 49 - Notis Niat Mengguna Pakai Afidavit

(xvi) Lampiran 50 - Affidavit Jawapan (2) Defendan

(xvii) Lampiran 52 - Hujahan Ringkas Defendan

(xviii) Lampiran 58 - Afidavit Jawapan (3) Plaintif

(xix) Lampiran 59 - Afidavit Jawapan (4) Plaintif

(xx) Lampiran 60 - Afidavit Jawapan (2) Plaintif

(xxi) Lampiran 69 - Afidavit Tambahan Defendan

(xxii) Lampiran 70 - Afidavit Tambahan (2) Defendan

(xxiii) Lampiran 71 - Afidavit Jawapan (2) Defendan

(xxiv) Lampiran 73 - Supplementary Submission Plaintif

(b) LAMPIRAN 22 - PERMOHONAN DI BAWAH ATURAN 18 KAEDAH 19(1)(a)

(i) Lampiran 22 - Notis Permohonan Defendan

(ii) Lampiran 81 - Submission of Plaintif

(iii) Lampiran 79 - Hujahan Ringkas Defendan

(c) LAMPIRAN 23 - PERMOHONAN BAGI PENANGGUHAN PELAKSANAAN ("STAY")

(i) Lampiran 23 - Notis Permohonan Defendan

(ii) Lampiran 24 - Afidavit Sokongan

(iii) Lampiran 31 - Afidavit Jawapan (1) Plaintif

(iv) Lampiran 39 - Afidavit Tambahan Defendan

(v) Lampiran 43 - Afidavit Jawapan Defendan

(vi) Lampiran 45 - Afidavit Jawapan (2) Plaintif

(vii) Lampiran 47 - Afidavit Tambahan (2) Defendan (tarikh ikrar 29.6.2021)

(viii) Lampiran 51 - Afidavit Jawapan (3) Plaintif

(ix) Lampiran 57 - Afidavit Jawapan (4) Plaintif

(x) Lampiran 61 - Afidavit Jawapan (1) Plaintif (dengan ekshibit)

(xi) Lampiran 62 - Afidavit Jawapan (2) Plaintif

(xii) Lampiran 63 - Afidavit Jawapan (3) Plaintif

(xiii) Lampiran 65 - Afidavit Tambahan Defendan

(xiv) Lampiran 66 - Affidavit Tambahan (2) Defendan (Tarikh ikrar 15 Julai 2021)

(xv) Lampiran 67 - Affidavit Jawapan Responden

(xvi) Lampiran 82 - Submission of Plaintiff

A **Fakta Kes**

[6] Secara ringkasnya, saman pemula dalam lampiran 1 telah difailkan oleh plaintif, iaitu si suami, terhadap defendan, si isteri, untuk mendapatkan hak jagaan terhadap anak-anak mereka. Permohonan ini dibuat atas alasan bahawa plaintif merasa bimbang tentang keselamatan anak-anak dalam perkahwinan mereka terutamanya bayi lelaki yang berusia 19 bulan yang telah dibawa oleh defendan bersamanya semasa menghilangkan diri dari rumah perkahwinan mereka. Kebimbangan ini disebabkan oleh keadaan defendan yang dikatakan mempunyai masalah kesihatan mental.

[7] Plaintif dan defendan telah berkahwin pada 14 Disember 2008. Mereka dikurniakan dengan tiga orang anak, iaitu dua perempuan dan seorang bayi lelaki berumur 19 bulan. Pasangan ini tinggal bersama di Sungai Petani sehinggalah pada 4 April 2021, defendan telah menghilangkan diri dari rumah perkahwinan dengan membawa bersama bayi lelaki tersebut dan meninggalkan dua orang anak perempuan yang berusia 11 dan tujuh tahun.

[8] Pada 7 April 2021, plaintif telah membuat laporan polis atas kehilangan tersebut dengan menyatakan bahawa defendan telah keluar dari rumah untuk pergi ke Kuala Lumpur dan telah tidak dapat dihubungi. Tujuan laporan tersebut dibuat kerana plaintif bimbang dengan keselamatan defendan dan anak tersebut.

[9] Plaintif dalam afidavit sokongannya telah menyatakan kebimbangannya dan kekhuatirannya atas keselamatan bayi lelaki kerana defendan dikatakan tidak mempunyai keupayaan langsung atau kemampuan untuk menjaga dan mengasuh bayi lelaki tersebut.

[10] Menurut plaintif dalam afidavit sokongan kepada saman pemula ini, defendan dikatakan telah didiagnosiskan sebagai penghidap schizophrenia sejak 2017. Plaintif telah menyertakan satu surat daripada Hospital Pakar Metro bertarikh 21 Mac 2021 dalam afidavit sokongannya, yang mengesahkan bahawa defendan adalah penghidap schizophrenia sejak lima tahun lepas dan lawatan terakhir ke hospital tersebut adalah pada tahun 2018, dengan dibekalkan sejenis ubat yang dinyatakan dalam surat tersebut.

[11] Plaintif menyatakan bahawa defendan hanya bersetuju untuk berjumpa dengan pakar psikiatri setelah banyak kali didesak. Setelah kemudiannya didiagnos sebagai penghidap schizophrenia defendan telah diberikan ubat untuk mengawal simptom schizophrenia tersebut. Terdapat sedikit perubahan kepada sikap defendan setelah mengambil ubat tersebut, namun oleh sebab defendan mempunyai masalah enggan mengambil ubat, menyebabkan simptom schizophrenia defendan kembali semula.

[12] Segala pernyataan berkenaan dengan masalah mental defendan ini dinyatakan oleh plaintif dalam afidavit sokongannya dengan menyenaraikan siri peristiwa yang berlaku yang menunjukkan tentang sikap defendan yang

tidak normal itu. Fakta berkaitan dengan tingkah laku defendan yang menunjukkan simptom schizophrenia boleh dilihat lanjut dalam afidavit-afidavit plaintif dalam permohonan ini dan juga dalam penghujahan bertulisnya.

[13] Defendan dikatakan berkelakuan tidak normal, yang antaranya suka berkhayal, berhalusinasi, mundar-mandir dan bergoyang-goyang di luar kebiasaan serta mempunyai pemikiran dan percakapan yang tidak teratur. Plaintif juga mengatakan bahawa defendan menakut-nakutkan anak perempuan mereka, berkelakuan ganas, mudah keliru dan mendengar suara-suara menyuruh memukul ibu plaintif dan plaintif, memekik perkataan lucah, memukul anak perempuan sulung mereka sehingga lebam dan menghantar pesanan melalui telefon kepada plaintif dengan perkataan-perkataan yang menimbulkan kebimbangan kepada plaintif. Defendan juga dikatakan tidak menghiraukan dan tidak memberikan perhatian kepada bayi lelaki mereka apabila didatangi dengan simptom schizophrenia.

[14] Plaintif menyatakan bahawa walaupun defendan bersikap demikian, namun plaintif tetap cuba menenangkan defendan dan mencurahkan kasih sayang kepada defendan. Namun begitu, masih berlaku beberapa peristiwa di mana defendan telah meletuskan kemarahan tanpa sebab terhadap anak-anak mereka.

[15] Pada 5 Februari 2019, apabila defendan didapati hamil dengan anak ketiga mereka iaitu bayi lelaki dalam pertikaian ini, defendan telah menyatakan bahawa dia tidak mahu meneruskan kandungan tersebut dan menyatakan hasratnya untuk menggugurkan kandungan tersebut. Plaintif telah mengemukakan dalam afidavit sokongannya bukti perbualan melalui pesanan "WhatsApp" antara plaintif dan defendan berkenaan dengan perkara tersebut defendan telah menghubungi beberapa klinik untuk berbuat demikian. Plaintif walau bagaimanapun tidak pernah bersetuju dengan cadangan tersebut dan berjaya memujuk defendan untuk tidak meneruskan hasratnya.

[16] Walau bagaimanapun, selepas kelahiran anak ketiga mereka itu, pada 22 September 2019, defendan menjadi murung dan keliru dan menunjukkan simptom pendiam dan dalam keresahan yang seterusnya menyebabkan hubungan kedua mereka menjadi tegang dan mereka telah tidak tidur sebilik sejak Oktober 2019.

[17] Sikap defendan yang tidak mengendahkan bayi antaranya berlaku beberapa peristiwa seperti bayi terjatuh daripada katil dan bayi menangis yang tidak dihiraukan oleh defendan, menyebabkan plaintif telah kemudiannya memutuskan untuk membawa bayi tersebut tidur bersamanya.

[18] Sikap defendan menjadi semakin teruk dan ganas bermula Disember 2020 dengan memukul plaintif dan anak-anak tanpa sebab. Defendan terus berhalusinasi yang akan membawa kepada percakapan dan tuduhan karut serta pertengkaran dengan ibu defendan.

[19] Selain itu, terdapat episod di mana defendan dikatakan telah menghubungi lelaki yang tidak dikenali dalam telefon pada lewat malam. Walaupun dinasihati ibu plaintif, namun ia tidak didengari dan membawa kepada pergaduhan besar pada 6 Mac 2021, antara defendan dan ibu plaintif yang menyebabkan satu laporan polis dibuat oleh ibu plaintif.

[20] Ibu plaintif sekali lagi telah membuat laporan polis setelah defendan dikatakan memukulnya pada 3 April 2021. Plaintif mengemukakan kepada mahkamah dan rakaman video tentang peristiwa memukul tersebut yang dirakam melalui CCTV.

[21] Selepas peristiwa tersebut, defendan mengatakan bahawa dia tidak lagi mahu menjaga anak-anak mereka dan telah melarikan diri dengan membawa hanya bayi lelaki mereka.

[22] Defendan tidak dapat dihubungi selepas itu. Plaintif tidak dapat mengesan keberadaan defendan dan bayi lelaki tersebut. Walau bagaimanapun dengan bantuan yang diminta oleh plaintif daripada kawan-kawannya, kenderaan defendan telah dikesan dan akhirnya defendan telah ditemui di sebuah rumah di Puchong.

[23] Namun begitu, defendan telah mengelak dan melarikan diri daripada cuba dihubungi oleh plaintif termasuklah mengelak daripada diserahkan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permohonan dalam tindakan ini, apabila rumah di Puchong tersebut didapati tidak lagi didiaminya. Pada masa yang sama, didapati daripada afidavit-afidavit defendan yang difailkan dalam tindakan ini, alamat yang digunakan masih tercatat alamat yang sama.

[24] Pada 12 Mei 2021, atas permohonan plaintif, suatu perintah jagaan interim telah dibenarkan oleh mahkamah terhadap bayi lelaki yang dibawa oleh defendan tersebut. Namun begitu, perintah tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana defendan enggan menyerahkan bayi tersebut dan mengelak daripada dikesan oleh plaintif.

[25] Lanjutan daripada keengganan tersebut, plaintif telah mengeluarkan satu notis di bawah A. 52 k. 2B KKM 2012 terhadap defendan. Bagi maksud penyampaian notis itu, plaintif telah memfailkan notis permohonan (*ex parte*) di lampiran 86 untuk suatu perintah penyampaian ganti notis tunjuk sebab tersebut.

[26] Walau bagaimanapun, mahkamah pada 28 Ogos 2021, melalui keputusan yang disampaikan secara e-mel telah menolak permohonan bagi perintah penyampaian ganti notis tunjuk sebab itu sebagaimana alasan yang telah difailkan dalam lampiran 88 yang antara lain menyatakan bahawa A. 52 k. 2B adalah merupakan suatu peruntukan mandatori yang telah diwujudkan khusus bagi hal perkara yang merujuk kepada prosiding yang hendaklah dipatuhi bagi prosiding komital.

Permohonan Plaintif

[27] Plaintif dalam saman pemula di lampiran 1 memohon untuk perintah-perintah seperti yang berikut:

(a) Bahawa plaintif yang merupakan seorang bapa, diberikan hak jagaan, pemeliharaan dan kawalan bagi anak-anak perkahwinan bernama:

(i) Prahashini a/p Manoj Devan Pillai (11 tahun);

(ii) Vedharshaa a/p Manoj Devan Pillai (7 tahun);

(iii) Veeraj Pillai a/p Manoj Devan Pillai (19 bulan).

(b) Bahawa defendan yang merupakan seorang ibu kandung dibenarkan dan boleh diberikan hak akses melawat yang diawasi kepada Prahashini a/p Manoj Devan Pillai, Vedharshaa a/p Manoj Devan Pillai, Veeraj Pillai a/p Manoj Devan Pillai mengikut jadual yang berikut:

(i) Pada setiap hari Ahad dari pukul 2.00 petang sehingga pukul 6.00 petang hari Ahad di rumah Plaintif di Sungai Petani; dan

(ii) defendan dibenarkan untuk berhubung dengan anak-anaknya selama 15 minit melalui "WhatsApp" ataupun panggilan video dari pukul 8.00 malam sehingga 8.30 malam setiap hari.

(c) Kos; dan

(d) Relief yang lain atau yang selanjutnya yang dianggap sesuai dan suai manfaat untuk diberi oleh Mahkamah yang mulia ini.

[28] Dalam permohonan plaintif ini, isu yang perlu ditentukan oleh mahkamah adalah seperti yang berikut:

(i) sama ada terdapat keterangan di hadapan mahkamah tentang keadaan defendan yang dikatakan menghidap simptom schizophrenia;

(ii) sama ada wajar atau tidak jagaan, pemeliharaan dan kawalan ketiga-tiga anak dalam perkahwinan ini yang berumur 19 bulan, tujuh tahun lebih dan 11 tahun ini diberikan kepada plaintif;

(iii) sama ada plaintif telah dapat menjawab (rebutted) anggapan statutori di bawah s. 88(3) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 ("LRA") berkenaan dengan penjagaan terhadap anak bongsu pasangan ini;

(iv) sama ada isu keganasan yang didakwa oleh defendan yang dikatakan telah dipukul oleh plaintif adalah relevan dan benar dalam tindakan saman pemula ini; dan

A (v) sama ada terdapat apa-apa alasan bagi defendan untuk mendapatkan perintah perlindungan interim (IPO) bagi dirinya dan bayi lelaki itu, dan perintah perlindungan kecemasan (EPO) bagi dirinya, dan sama ada perintah-perintah ini adalah relevan dengan tindakan saman pemula ini.

Bantahan Awal Defendan

B

[29] Dalam saman pemula ini, mahkamah perlu memutuskan terlebih dahulu berkenaan dengan bantahan awal oleh defendan. Defendan berhujah bahawa oleh sebab plaintif mengatakan yang defendan menghidap penyakit mental, dan dianggap tidak berkeupayaan untuk membawa tindakan dan membela bagi pihak dirinya sendiri, maka plaintif sepatutnya memulakan C tindakan terhadap defendan melalui "guardian *ad litem*".

[30] Dalam hal ini, mahkamah telah meneliti bantahan yang dibangkitkan oleh defendan dan penghujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak. Mahkamah dapati bahawa di bawah Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 D ("KKM 2012"), A. 76 k. 1 KKM 2012 mentakrifkan "orang ketidakupayaan" ertinya "orang belum dewasa atau pesakit", manakala perkataan "pesakit" dalam A. 76 k. 1 ini pula diberikan takrif sebagai "orang yang terganggu mental mengikut pengertian Akta". Akta yang dimaksudkan adalah Akta Kesihatan Mental 2001 ("AKM 2001").

E **[31]** Namun begitu, AKM 2001 tidak pula mentakrifkan perkataan "pesakit" secara jelas tetapi perkataan "pesakit" terdapat dalam takrif "pesakit sukarela" yang ertinya "seseorang yang dimasukkan ke dalam suatu hospital psikiatri di bawah s. 10, atau yang ditahan di hospital itu di bawah sub-ss. 9(5) atau 14(1) atau 14(3), atau yang diterima masuk ke dalam F hospital psikiatri melalui perintah mahkamah di bawah s. 73".

[32] Dalam hal ini, mahkamah hendaklah membuat suatu penentuan sama ada defendan ialah seorang "pesakit" di bawah undang-undang yang berkaitan. KKM 2012 merujuk kepada Akta yang tidak pun memperuntukkan apa-apa takrif bagi perkataan "pesakit" secara khusus. Apa G yang didapati dalam AKM 2001 adalah takrif yang melibatkan perkataan "pesakit" yang hanya boleh dilihat pada takrif "pesakit sukarela".

[33] Dalam keadaan ini, mahkamah berpandangan bahawa adalah tidak selamat untuk mahkamah merujuk perkataan "pesakit" dalam takrif "pesakit sukarela" ini sebagai takrif yang dimaksudkan dalam A. 76 k. 1 KKM 2012. H Ini kerana mahkamah percaya bahawa dalam mana-mana statut, setiap peruntukan tafsiran yang mentakrifkan perkataan dan frasa dalam statut tersebut mempunyai maksud khusus dan yang tersendiri baginya yang diniatkan oleh penggubal undang-undang bagi mana-mana undang-undang bertulis. Bagi perkataan "pesakit sukarela" takrif yang diberikan kepadanya I adalah merujuk kepada gabungan dua perkataan yang membentuk frasa khusus dengan pengertian khusus diberikan kepadanya di situ.

[34] AKM 2001 telah mentakrifkan perkataan "kecelaruan mental" yang bererti "apa-apa penyakit mental, atau perkembangan fikiran yang terbantut atau tidak sempurna, kecelaruan psikiatri atau apa-apa kecelaruan atau ketakdayaan fikiran lain tidak kira bagaimana sekalipun diperoleh; dan "bercelaru mental" hendaklah ditafsirkan sewajarnya;".

[35] Sub-seksyen 2(2) AKM 2001 selanjutnya menyatakan bahawa:

> Tiada apa-apa jua dalam takrif "kecelaruan mental" dalam subseksyen (1) boleh ditafsirkan sebagai menyiratkan bahawa seseorang itu boleh diuruskan di bawah Akta ini sebagai mengidap kecelaruan mental hanya atas sebab kecabulannya atau kelakuan tidak bermoral yang lain, penyimpangan seksual, penggunaan arak atau dadah, atau jika dia menyatakan atau enggan atau gagal menyatakan pendapat atau kepercayaan politik atau agama yang tertentu, atau keperibadiannya yang antisosial.

[36] Selanjutnya dalam sub-s. (3) menyebut bahawa:

> Subseksyen (2) tidak menghalang kesan fisiologi, biokemikal atau psikologi serius sementara atau kekal, akibat penggunaan dadah atau arak, daripada dianggap sebagai suatu tanda bahawa seseorang itu berpenyakit mental.

[37] Selain itu, AKM 2001 tidak mentakrifkan frasa "orang yang terganggu mental" di dalam tetapi sebaliknya telah mentakrifkan "orang bercelaru mental" di dalam s. 51, di mana erti yang diberikan kepadanya adalah "mana-mana orang yang didapati melalui perjalanan wajar undang-undang sebagai kecelaruan mental dan tidak berupaya untuk menguruskan diri dan hal ehwalnya".

[38] Seterusnya mahkamah membuat penelitian kepada takrif yang telah diberikan kepada "orang ketidakupayaan" dalam KKM 2012, di mana menurut A. 76 k. 2, hendaklah membawa guaman melalui wakil litigasi dan wakil litigasi hendaklah bertindak melalui seorang peguam.

[39] Sehubungan dengan itu, mahkamah hendaklah memutuskan sama ada defendan ialah seorang yang mempunyai "kecelaruan mental" atau "terganggu mental" yang akan menjadikannya termasuk dalam kategori "orang tidak keupayaan", yang hendaklah, jika membawa guaman, melalui wakil litigasi yang bertindak melalui seorang peguam menurut aturan tersebut.

[40] Walau bagaimanapun, pada masa yang sama defendan sebaliknya telah menyatakan dalam afidavit jawapan bahawa plaintif sepatutnya memulakan tindakan melalui "guardian *ad litem*" dan tidak merujuk kepada wakil litigasi menurut peruntukan A. 76 KKM 2012 tersebut. Dalam KKM 2012 atau AKM 2001, didapati tiada apa-apa peruntukan yang berkenaan dengan kehendak "guardian *ad litem*" itu.

[41] Walau apa pun, pada peringkat ini, mahkamah berpandangan bahawa adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk memutuskan sama ada defendan ini layak mewakili dirinya sendiri atau tidak, atas sebab dia dikatakan mengalami simptom "schipzophrenia" sebagaimana yang dibangkitkan oleh plaintif dalam afidavit dan penghujahannya.

[42] Didapati dalam afidavit sokongan plaintif, perkara berkenaan dengan simptom yang terdapat pada defendan tersebut dikatakan menjadi asas kepada kebimbangan tentang keselamatan anak-anaknya dan seterusnya menjadi alasan supaya jagaan, pemeliharaan dan kawalan diberikan kepada plaintif.

[43] Menurut istilah psikiatri, "schizophrenia" ialah "a long-term mental disorder of a type involving a breakdown in the relation between thought, emotion, and behaviour, leading to faulty perception, inappropriate actions and feelings, withdrawal from reality and personal relationships into fantasy and delusion, and a sense of mental fragmentation".

[44] Daripada istilah tersebut, "schizophrenia" dikatakan termasuk dalam kategori "mental disorder" atau "kecelaruan mental" yang telah diberikan takrif di bawah AKM 2001. Oleh sebab perkataan "mentally disturbed" atau "gangguan mental", tidak ditakrifkan dalam AKM 2001 dan KKM 2012, mahkamah memberi takrif kepadanya dengan merujuk kepada pengertian menurut kamus di mana "mentally disturbed" atau "gangguan mental" ini adalah "any of various disorders, such as schizophrenia, bipolar disorder, or autism spectrum disorder, characterised by a distressing or disabling impairment of an individual's cognitive, emotional, or social functioning".

[45] Namun begitu, mahkamah berpandangan bahawa, walaupun pada asasnya, "mentally disturbed" dan "mentally disorder" ini termasuklah schizophrenia, mahkamah masih ragu-ragu tentang sama ada wajar untuk defendan dalam tindakan ini digolongkan dalam "orang ketidakupayaan" mengikut peruntukan A. 76 k. 2 KKM 2012. Ini kerana takrif "orang ketidakupayaan" sebenarnya masih tidak jelas dan kabur apabila dalam AKM 2001 itu sendiri tidak mentakrifkan siapakah "pesakit" yang dimaksudkan sebagai "orang ketidakupayaan" dalam AKM 2001.

[46] Mahkamah juga berpandangan bahawa walaupun penghidap "schizophrenia" tergolong dalam mereka yang "mentally disturbed person" atau "orang yang terganggu mental", perkataan "mentally disturbed person" atau "orang yang terganggu mental" di dalam KKM 2012 itu wajar digantikan dengan perkataan "mentally disordered" atau "kecelaruan mental" supaya selaras dengan maksud di dalam AKM 2001.

[47] Pada peringkat ini, setelah mahkamah meneliti fakta yang dibawa oleh plaintif berkenaan dengan sikap defendan yang menjurus kepada mempunyai simptom "kecelaruan mental" dan "gangguan mental", menolak hujahan dalam bantahan awal defendan yang menyatakan bahawa tindakan yang

diambil oleh plaintif terhadap defendan ini perlu melalui "guardian *ad litem*" sebagaimana yang dihujahkan atau sebagaimana yang diperuntukkan dalam KKM 2012, perlu diwakili oleh wakil litigasi.

[48] Ini kerana, mahkamah berpandangan bahawa pengesahan tentang kedudukan kesihatan mental defendan itu tidak memadai dengan hanya menyertakan satu surat doktor yang diekshibitkan sebagai "MD-3" dalam afidavit sokongan kepada permohonan ini.

[49] Mahkamah percaya, pernyataan doktor dalam surat tersebut, iaitu "last visit on the 18 July 2018" jelas menunjukkan bahawa, tidak ada apa-apa susulan yang dibuat selama tempoh hampir tiga tahun dari tarikh 2018 sehingga surat tersebut diperoleh pada 21 Mac 2021 yang boleh membuktikan masalah kesihatan mental defendan.

[50] Daripada fakta tersebut, persoalan yang timbul adalah bagaimana seseorang itu boleh disahkan sebagai penghidap schizophrenia, dan pada masa yang sama tiada rekod preskripsi ubat yang diberikan oleh pakar sejak tahun 2018 tersebut.

[51] Selain itu, eksh. YS-12 dalam afidavit tambahan defendan (lampiran 38), iaitu surat yang dikeluarkan oleh hospital yang sama dengan yang mengeluarkan eksh. MD-3 oleh plaintif, mengandungi kenyataan yang bercanggah. Ini jelas telah menimbulkan keraguan tentang kesahihan status mental defendan.

[52] Sehubungan dengan itu juga, mahkamah tidak berhasrat untuk mengulas lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan oleh defendan dalam eksh. YS-14 yang dikemukakan dalam afidavit tambahan (2) defendan (lampiran 46), iaitu laporan perubatan yang antara lain telah dapat disimpulkan bahawa defendan bukanlah menghidap kecelaruan psikiatri (psychiatric disorder).

[53] Oleh itu, mahkamah telah memutuskan tindakan saman pemula ini layak diteruskan dengan defendan bertindak atas kapasiti dirinya sendiri.

Permohonan Plaintif

[54] Setelah mahkamah meneliti keterangan afidavit yang difailkan oleh plaintif dalam permohonan saman pemula ini dan melihat kepada keseluruhan fakta dan hal keadaan kes, serta mendengar penghujahan kedua-dua pihak, memutuskan bahawa permohonan plaintif untuk jagaan, pemeliharaan dan kawalan terhadap ketiga-tiga anak tersebut dibenarkan sebagaimana yang dipohon.

[55] Menjadi suatu undang-undang yang mantap bahawa dalam menentukan di mana dan dengan siapa jagaan seseorang kanak-kanak itu patut diletakkan, pertimbangan yang paling utama adalah kebajikan kanak-kanak itu sendiri.

[56] Mahkamah hendaklah mengambil kira pertimbangan sebagaimana yang disebut dalam sub-s. 88(2) LRA, iaitu:

> (2) In deciding in whose custody a child should be placed, the paramount consideration shall be the welfare of the child and subject to this the court shall have regard:
>
> (a) to the wishes of the parents of the child; and
>
> (b) to the wishes of the child, where he or she is of an age to express an independent opinion.

[57] Walau bagaimanapun rujukan hendaklah juga dibuat kepada peruntukan dalam s. 88(3) LRA di mana diperuntukkan bahawa menjadi suatu anggapan statutori bahawa anak yang berumur di bawah tujuh tahun hendaklah berada dengan ibunya oleh sebab ia merupakan suatu tempoh untuk memupuk kasih sayang di mana seseorang anak yang dalam usia itu lebih memerlukan ibu daripada bapanya.

[58] Peruntukan dalam s. 88(3) menyebut:

> There shall be a rebuttable presumption that it is for the good of a child below the age of seven years to be with his or her mother but in deciding whether that presumption applies to the facts of any particular case, the court shall have regard to the undesirability of disturbing the life of a child by changes of custody.

[59] Walau bagaimanapun, di samping merujuk kepada peruntukan tersebut, faktor yang perlu dilihat dalam mempertimbangkan kebajikan anak-anak (welfare of the child) telah juga digariskan oleh mahkamah dalam kes *Khoo Cheng Nee v. Lubin Chiew Pau Sing* [1996] 1 LNS 579, di mana hakim dalam kes tersebut menyebut telah menyenaraikan faktor-faktor yang perlu dilihat berkaitan kepentingan kebajikan anak-anak, iaitu:

> A court gives the 'best interests of the welfare' of the child the highest priority. What the best interests of the child are in a given situation depends upon many factors, including:
>
> (1) the child's age, gender, mental and physical health;
>
> (2) mental and physical health of parents;
>
> (3) lifestyle and other social factors of the parents, including whether the child is exposed, for example, to second-hand smoke and whether there is any history of child abuse;
>
> (4) the love and emotional ties between the parent and the child, as well as the parent's ability to give the child guidance;
>
> (5) the parent's ability to provide the child with food, shelter, clothing and medical care;
>
> (6) the child's established living pattern (school, home, community, religious institution);

(7) the quality of school – particularly important when one parent wishes to move; and

(8) the ability and willingness of the parent to foster healthy communication and contact between the child and the other parent.

[60] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, anak yang dibawa bersama defendan keluar dari rumah perkahwinan adalah di bawah umur tujuh tahun dan jika mengikut peruntukan di bawah sub-s. 88(3) LRA tersebut, jagaan anak itu secara tegasnya hendaklah diberikan kepada ibunya berbanding bapa.

[61] Namun begitu, mahkamah ingin merujuk kepada kes *Lee Soh Choo v. Tan Ket Huat* [1986] 2 CLJ 143; [1986] CLJ (Rep) 440; [1986] 1 MLRH 98, di mana hak jagaan anak telah diberikan kepada responden suami, Hakim YA Siti Norma Yaakob dalam kes tersebut telah menyatakan seperti yang berikut:

> ... on the other hand, the children are still at the matrimonial home, an environment they have been used to and adapted to since they were very young. They are being taken care of by respondents and his mother and the elder of the 2 children attends a kindergarten that has reported that she has adapted very well to school life and enjoys going to school. As for the younger child, there is no evident of any ill treatment and for that matter, there is no proof that the health of any of them is in any threatened by their continuing to live with their father.

[62] Faktor utama yang dipertimbangkan oleh mahkamah ini dalam memutuskan untuk membenarkan permohonan plaintif bukanlah berdasarkan pengesahan bahawa defendan mengalami masalah kesihatan mental, iaitu "schizophrenia".

[63] Ini kerana eks. "MD-3" telah tidak diterima oleh mahkamah ini untuk menjadikan ia sebagai suatu bukti pengesahan yang defendan adalah seorang penghidap "schizophrenia" sebagaimana alasan yang dinyatakan tadi. Sehubungan dengan itu, jika mahkamah membuat pertimbangan berdasarkan isu tersebut, keseluruhan tindakan ini dari mulanya lagi tidak boleh diteruskan atas asas ketidakupayaan defendan membawa tindakan, atau dibawa tindakan terhadapnya.

[64] Mahkamah mengambil satu langkah ke hadapan dengan memilih untuk membuat penilaian secara keseluruhan akan keterangan lain yang terdapat dalam afidavit yang dikemukakan kepada mahkamah.

[65] Mahkamah lebih menjurus kepada penilaian terhadap siri peristiwa yang menggambarkan sikap luar kebiasaan defendan dalam menangani masalah yang berlaku dalam perkahwinan ini dan dalam rumah perkahwinan, yang turut didiami oleh ibu mertua dan adik beradik suaminya. Semua perkara tersebut telah dikemukakan melalui keterangan afidavit dan dokumen oleh plaintif dan juga defendan itu sendiri.

[66] Daripada semua laporan polis, gambar-gambar, dokumen perubatan dan sedutan perbualan melalui pesanan "WhatsApp" antara defendan dan plaintif yang dikemukakan kepada mahkamah dalam afidavit masing-masingnya, pada pandangan mahkamah, ia jelas menunjukkan bahawa kedua-dua suami isteri ini mempunyai masalah dalam perkahwinan mereka yang tidak dapat disangkal, akibat daripada faktor-faktor sampingan lain selain masalah yang lahir daripada ketidaksefahaman antara mereka berdua.

[67] Walaupun mahkamah mendapati plaintif lebih menumpukan kepada isu simptom "schizophrenia" sebagai asas permohonan ini, mahkamah berpandangan, kebergantungan itu tidak diasaskan dengan keterangan dokumen yang lengkap untuk membuktikan bahawa defendan sebenar-benarnya ialah seorang pesakit mental "schizophrenia".

[68] Justeru, pertimbangan utama yang telah dibuat oleh mahkamah dalam membuat keputusan bagi permohonan untuk jagaan, pemeliharaan dan kawalan anak-anak dalam perkahwinan ini adalah atas asas pemerhatian dan penilaian mahkamah terhadap kepentingan dan kebajikan anak-anak tersebut, yang dibuat berdasarkan keterangan dan fakta yang telah dikemukakan kepada mahkamah.

[69] Mahkamah telah merujuk kepada kes-kes yang telah menjelaskan tentang pendekatan yang diambil dalam mentakrifkan "pertimbangan utama" (paramount consideration) dan "kebajikan anak-anak" (welfare of the child).

[70] Dalam kes *Mahabir Prasad v. Mahabir Prasad* [1982] 1 MLJ 189 p. 193, Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (pada masa itu) memutuskan bahawa:

> In short the learned judge has given the overriding consideration of the welfare of the children uppermost in his mind. That, we think, is the correct approach. We should state categorically that, that must be first and paramount consideration and other considerations must be subordinate. The mere desire of a parent to have his children must be subordinate to the consideration of the welfare of the children, and can be effective only if it coincides with their welfare.

[71] Kes ini telah diikuti oleh *B Ravandran Balan v. Maliga Mani Pillai* [1995] 1 LNS 21; [1996] 2 MLJ 150 yang mentakrifkan berkenaan dengan isu "pertimbangan utama" di mana dalam kes tersebut, keputusan yang dibuat oleh Lord MacDermott dalam kes *J v. C* [1970] AC 668, telah dipetik yang menyebut:

> The second question of construction is as to the scope and meaning of the words "... shall regard the welfare of the infant as the first and paramount consideration." Reading these words in their ordinary significance, and relating them to the various classes of proceedings which the section has already mentioned, it seems to me that they must mean more than that the child's welfare is to be treated as the top item in a list of items relevant to the matter in question. *I think they connote a process*

whereby, when all the relevant facts, relationships, claims and wishes of parents, risks, choices and other circumstances are taken into account and weighed, the course to be followed will be that which is most in the interests of the child's welfare as that term has now to be understood.

That is the first consideration because it is of first importance and the paramount consideration because it rules upon or determines the course to be followed.

(emphasis added)

[72] Mahkamah ini mendapati bahawa daripada keputusan dalam kes *J v. C* (*supra*) tersebut, hakim telah merumuskan bahawasanya istilah "pertimbangan utama" dan "kebajikan anak-anak" itu bermaksud suatu proses apabila semua fakta yang relevan berkaitan dengan hubungan, tuntutan dan hasrat ibu bapa, risiko, pilihan dan hal keadaan lain, telah pun diambil kira dan dipertimbangkan untuk itu memutuskan mana yang lebih utama demi kepentingan kebajikan anak-anak.

[73] Dengan merujuk kepada rumusan yang dibuat oleh hakim dalam kes tersebut, mahkamah mendapati unsur hubungan, tuntutan ibu bapa dan risiko adalah fakta yang relevan dalam kes di hadapan mahkamah ini.

[74] Dalam kes ini, plaintif dan defendan tinggal di rumah perkahwinan mereka dengan ibu dan adik beradiknya. Pertelingkahan antara defendan dengan ibu plaintif dan adik beradik plaintif dikatakan membawa tekanan kepada defendan menyebabkan dia berkelakuan tidak stabil dan tidak normal. Di dalam rumah tersebut juga didiami oleh kedua-dua anak perempuan mereka yang telah melebihi umur tujuh tahun dan bayi lelaki mereka yang berusia 19 bulan.

[75] Dengan fakta ini, mahkamah percaya, suasana perbalahan dan ketegangan antara defendan, plaintif dan ibu plaintif yang wujud di dalam rumah perkahwinan itu adalah sesuatu yang tidak sihat untuk perkembangan mental dan moral anak-anak. Malah, plaintif telah mengemukakan fakta yang tidak dapat disangkal oleh defendan bahawa disebabkan tekanan emosi defendan, defendan telah gagal untuk memberi layanan yang sepatutnya diterima oleh anak-anak terutamanya bayi lelaki mereka yang masih kecil.

[76] Oleh itu, mahkamah percaya, tindakan defendan memilih untuk keluar dengan membawa bayi lelaki itu daripada rumah perkahwinan dalam keadaan emosi yang tidak stabil, boleh membawa risiko yang boleh menjejaskan kesejahteraan (well-being) bayi itu.

[77] Malah, mahkamah percaya hujahan tentang kebimbangan plaintif terhadap keselamatan bayi lelaki tersebut adalah berasas. Perkara ini disokong dengan pengemukaan bukti keterangan dalam afidavit yang dikemukakan di mahkamah, di mana semasa peringkat awal kehamilan bayi lelaki tersebut, defendan sebenarnya telah enggan meneruskan dengan kehamilan tersebut, malah telah berkeras untuk meneruskan hasrat menggugurkannya.

[78] Walaupun ia tidak diteruskan, namun tindakan defendan yang tidak memberikan perhatian kepada bayi lelaki tersebut selepas dilahirkan menunjukkan bahawa kemungkinan untuk berlaku sesuatu yang tidak diingini itu adalah besar seandainya bayi lelaki itu berterusan di bawah jagaannya.

[79] Merujuk kepada kes *Kok Yoong Heong v. Choong Thean Sang* [1975] 1 LNS 75, hakim dalam kes tersebut ada menyatakan bahawa, "the welfare of the child both moral and physical should be the paramount consideration in awarding the custody of a child of tender years". Seterusnya dalam kes *Helen Ho Quee Neo v. Lim Pui Heng* [1974] 1 LNS 48, Mahkamah Rayuan Singapura menyatakan bahawa faktor yang relevan yang perlu dipertimbangkan termasuklah kelakuan dan watak pihak-pihak, dengan mengambil kira kebajikan anak-anak sebagai pertimbangan yang utama.

[80] Daripada fakta kes, defendan mempamerkan suatu watak yang membimbangkan, dan demi kepentingan anak-anak di dalam perkahwinan ini, sewajarnyalah, hak jagaan, pemeliharaan dan kawalan sepenuhnya diberikan kepada bapa. Dalam hal ini, tidak ada sebarang bukti yang dibawa oleh defendan untuk menyokong bahawa plaintif melakukan apa-apa keganasan terhadap anak-anak dalam perkahwinan ini. Malah tindakan plaintif sebagai bapa membawa masuk bayi lelaki tidur bersamanya dalam bilik yang berasingan daripada defendan menunjukkan bahawa plaintif telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi bayi lelaki tersebut daripada kemungkinan yang tidak sepatutnya terjadi.

[81] Mahkamah tidak menafikan bahawa anak-anak mempunyai hak untuk mendapatkan kasih dan sayang seorang ibu, Sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Yong May Inn v. Sia Kuan Seng* [1970] 1 LNS 17b di mana Hakim Sharma menyatakan bahawa dalam memberikan hak jagaan kepada tiga anak perempuan dalam kes tersebut, "They have the right to their mother's love and affection and no one can do what a mother can do for her children ...".

[82] Namun begitu, dalam kes tersebut anak-anak yang terlibat adalah perempuan, di mana hakim telah menyatakan bahawa:

> ... the children are all girls and although it is not absolute essential that they should remain in the custody and care of their mother, they are bound to feel free in her company than in the company of their father and more particulary so when one of them is reaching an age when she may need the advice of her mother most.

[83] Bayi yang dibawa bersama defendan itu adalah bayi lelaki berumur bawah tujuh tahun. Bayi lelaki itu dikatakan masih menyusu susu ibunya iaitu defendan. Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati fakta berkenaan dengan perkara tersebut selain hanya ditimbulkan kemudian, ia juga

sebenarnya bercanggah dengan keterangan defendan sebelum itu dalam afidavit jawapannya yang terdahulu. Oleh itu, alasan tersebut tidak boleh diterima dan harus diketepikan.

[84] Mahkamah merujuk semula kepada kes *Lee Soh Choo v. Tan Ket Huat* (*supra*) yang disebut di awal alasan penghakiman ini, yang memutuskan hak jagaan anak telah diberikan kepada responden suami apabila mahkamah mendapati bahawa, "... As for the younger child, there is no evident of any ill treatment and for that matter, there is no proof that the health of any of them is in any threatened by their continuing to live with their father".

[85] Mahkamah dengan ini berpandangan bahawa berdasarkan fakta kes, walaupun plaintif adalah seorang bapa, layak untuk diberikan tanggungjawab menjaga bayi lelaki yang berumur bawah tujuh tahun dan anak-anak mereka yang lain, walaupun anak-anak itu adalah perempuan.

[86] Isu berkenaan dengan dakwaan layanan buruk plaintif kepada defendan, terdapat gambar-gambar kecederaan yang dilampirkan dalam afidavit jawapan bagi menyokong wujudnya isu keganasan rumah tangga tersebut. Namun begitu, tiada fakta yang berkaitan dengan keganasan terhadap anak-anak. Gambar-gambar tersebut adalah merujuk kepada dakwaan plaintif mencederakan defendan yang juga tidak dapat dibuktikan kesahihannya.

[87] Malah, didapati tiada laporan perubatan yang pernah dibuat berkaitan dengan perkara tersebut. Walaupun terdapat beberapa laporan polis yang merujuk kepada peristiwa pergaduhan antara defendan dan plaintif dan antara defendan dengan ibu plaintif sebagaimana yang diekshibitkan dalam afidavit jawapan defendan, namun mahkamah mendapati pihak polis tidak meneruskan dengan apa-apa tindakan dakwaan jenayah terhadap plaintif.

[88] Mahkamah percaya, perilaku kedua-dua pihak suami dan isteri memainkan peranan dalam memastikan wujud suasana harmoni dalam perkahwinan dan rumah tangga yang dibina dan memastikan anak-anak yang lahir dalam perkahwinan terjaga dari segi kebajikan dan kesejahteraan emosi mereka. Apabila wujud suatu suasana yang tidak sihat yang mempengaruhi emosi dan tingkah laku mana-mana pihak, sudah pasti ia akan memberi kesan kepada kesejahteraan anak-anak.

[89] Daripada penelitian kepada afidavit-afidavit yang difailkan, yang mengandungi tuduhan dan dakwaan yang saling berbalas antara pihak-pihak, selain terdapat sindiran kepada mahkamah oleh peguam cara, berkenaan dengan keputusan dan pengendalian kes ini, jelas menunjukkan bahawa wujud persekitaran yang tidak sihat yang tidak sepatutnya dialami dan dilalui oleh ketiga-tiga anak dalam perkahwinan tersebut yang boleh mengganggu emosi dan tumbesaran yang sihat anak-anak tersebut.

[90] Anak-anak dalam perkahwinan berhak kepada suatu suasana kehidupan yang tersusun, walaupun ibu bapa tidak tinggal sebumbung. Mahkamah percaya, ketiga-tiga anak-anak itu wajar ditempatkan bersama, tinggal bersama-sama dan tidak dipisahkan, dalam suasana yang telah sekian lama dinikmati, iaitu di rumah perkahwinan ibu bapanya sekarang.

[91] Semata-mata atas sebab defendan memilih untuk meninggalkan rumah perkahwinan dengan apa jua pun alasan yang diberikan, adalah menjadi suatu tindakan dan keputusan yang tidak wajar untuk anak-anak diheret keluar bersama defendan dan seterusnya "dipaksa" untuk menempuh suatu suasana baharu yang asing dan yang tidak menentu dari segi kebajikan dan kesejahteraan anak-anak itu.

[92] Malah, mahkamah mendapati daripada keterangan yang diperoleh melalui dokumen laporan perubatan, iaitu eksh. YS-12, defendan mempunyai tiga orang adik beradik di mana defendan adalah anak kedua. Defendan juga tidak lagi mempunyai kedua-dua ibu bapa, yang telah pun meninggal dunia atas sebab masalah kesihatan. Defendan dikatakan mempunyai hubungan yang baik dengan adik lelakinya yang berusia 32 tahun namun tidak dinyatakan tentang status hubungannya, dengan abang/kakaknya yang sulung.

[93] Jika dibandingkan dengan persekitaran yang ada di rumah perkahwinan defendan dan plaintif sekarang, di mana anak-anak mereka masih boleh kekal berterusan berada dalam suasana sedia ada dengan adanya ibu plaintif dan adik beradik perempuan plaintif yang tinggal bersama untuk membantu menjaga anak-anak tersebut. Mahkamah percaya perubahan lokasi dan suasana, tanpa jaminan yang kukuh tentang keupayaan defendan dari segi emosi dan kewangan, boleh menyebabkan kepentingan, kebajikan dan kesejahteraan anak-anak terganggu.

[94] Sehubungan dengan itu, mahkamah memutuskan bahawa permohonan saman pemula plaintif ini dibenarkan sebagaimana yang telah diperintahkan dalam lampiran 92 yang dinyatakan di awal alasan penghakiman ini. Alasan keputusan bagi permohonan-permohonan lain di lampiran-lampiran 22 dan 23 juga sebagaimana yang tercatat dalam lampiran 92 tersebut.